

1021

**EKSISTENSI AL-QIRA'AT AL-MUTAWATIRAH DALAM HADIS:
PEMBEDAHAH KITAB AL-QIRA'AT AL-WARIDAH FĪ AL-SUNNAH
KARYA AHMAD ḤISĀ AL-MAṢARAWĪ (l. 1953)**

Mohd Mahfuz Jaafar, Abur Hamdi Usman, Mahmud Lutfi Abd Hadi

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

mohdmahfuz@kuis.edu.my

ABSTRAK

Ilmu Qiraat diiktiraf sebagai salah satu di antara ilmu yang penting dalam ilmu-ilmu agama. Ianya disebabkan bersangkutan dengan al-Quran yang merupakan sumber pertama bagi umat Islam seluruhnya. Dalam ilmu Qiraat, para ulama telah menjelaskan bahawa salah satu rukun qiraat itu diterima (al-maqbulah) kerana sanadnya yang mutawatir. Periwayatan bacaan al-Quran secara bertalaqqī dan mushāfahah dari satu generasi ke generasi lainnya sehingga sampai kepada Rasulullah SAW menjadi syarat utama bagi membuktikan qiraat itu sahih dan mutawatir. Tambahan pula, terdapat juga beberapa hadis yang menyatakan beberapa bentuk qiraat yang statusnya mutawatir. Sehubungan dengan itu, kajian ini menganalisis beberapa hadis yang merakamkan qiraat yang mutawatir dalam Surah al-Fatiha dan al-Baqarah dengan berpandukan kitab Al-Qira'at Al-Waridah Fī Al-Sunnah karangan Syaykh Ahmad Ḥisā al-Maṣarawi. Bagi mencapai dapatan kajian yang lebih kemas, maka setiap maklumat dan data dinukil dan dianalisis dengan menggunakan metode kajian perpustakaan. Natijahnya, hasil kajian ini mendapati, beberapa hadith-hadith yang menyatakan berkenaan dengan wajah-wajah qira'at yang mutawatir dalam Surah al-Baqarah dapat dikemukakan serta dianalisis.

Kata kunci: Qiraat; Mutawatir; Hadis, Sahih

1. PENDAHULUAN

Ilmu Qiraat adalah ilmu yang tidak ramai umat Islam mempelajarinya, apatah lagi untuk mengetahui perbezaan bacaan oleh Imam Qiraat. Di Malaysia khususnya, kaedah pengajian dan pembacaan al-Quran adalah mengikut riwayat Ḥafs ḥan Ḫāsim sahaja. Tidak hairanlah sekiranya masyarakat menjadi keliru dengan kaedah dan sebutan bacaan Imam Qiraat yang lain kerana mereka belum pernah mempelajari atau mendengarnya. Apatah lagi sekiranya majlis pengajian Ilmu Tafsir yang mereka hadiri langsung tidak menyentuh perbahasan mengenai Ilmu Qiraat (Sulaiman, 2013).

Qiraat mutawatir tidak boleh diingkari walau satu huruf dan berstatus al-Quran. Imam al-Nawawi menyatakan bahawa kaum muslimin sepakat bahawa wajib mengagungkan al Quran secara mutlak, menyucikan dan menjaganya. Mereka juga sepakat bahawa sesiapa yang mengingkari satu huruf daripadanya yang telah disepakati atau menambah satu huruf yang tidak pernah dibaca oleh seorang pun (Qurra') sedangkan dia mengetahui perkara itu (sengaja), maka dia kafir. Pengingkar qiraat mutawatir boleh menjadikannya kafir setelah pengingkaran tersebut merangkumi perkara-perkara berikut: i. Qiraat tersebut telah diputuskan kemutawatirannya dan telah sampai tahap perkara yang diketahui dalam agama secara darurah, ii. Keingkaran bukan disebabkan kesamaran yang berada dalam kefahaman orang yang ingkar, iii. Pengingkar mengetahui kethabitan sesuatu qiraat dan ia tetap dan berterusan dengan keingkaran tersebut. Selain daripada itu, pengetahuan terhadap status qiraat juga dapat menjadikan metode pertarjihan dijalankan dengan betul (Saad, Mohamad & Kadir, 2016).

Mutawātir, Mashhūr, Aḥad, Shādh, Mawdu' dan *Mudraj* merupakan istilah-istilah yang sinonim dalam ilmu Qiraat. Istilah-istilah tersebut merupakan martabat ataupun kategori bagi satu-satu

qiraat tersebut. Terdapat beberapa sebab mengapa qiraat tersebut berlaku perubahan pada martabatnya. Dan yang pastinya, hanya qiraat mutawatir dan masyhur sahaja yang boleh diterima (Ibn al-Jazarī, 1995).

Dalam kertas kerja ini hanya memfokuskan perbahasan berkenaan dengan *qira'at mutawatir* sahaja. Di awal kertas kerja ini akan menjelaskan terlebih dahulu definisi *qira'at mutawatir* dan apakah syarat-syarat yang perlu ada bagi menjadikan *qira'at* itu *mutawatir*. Kertas kerja ini juga akan menganalisis, menyenarai *qira'at mutawatir* yang *warid* dari kitab-kitab hadith dengan berpandukan kitab *al-Qira'at al-Waridah fi al-Sunnah* susunan Prof. Dr. Ahmad Ḥasan al-Maṣarawi. (Al-Maṣarawi, 2006)

2. DEFINISI *QIRA'AT MUTAWATIR*

Ilmu qiraat ialah salah satu aliran pandangan seorang imam daripada imam-imam Qurra' yang berbeza antara satu dengan yang lain pada penyebutan al-Quran berserta bersatunya riwayat dan turuq-turuq sama ada perbezaan itu wujud pada penyebutan huruf atau penyebutan keadaan-keadaan huruf (Zurzūr, 1991). Qiraat juga ditakrifkan sebagai satu ilmu yang berkaitan dengan cara menyampaikan kalimah al-Quran dan perbezaan-perbezaannya dengan menisahkan kepada orang yang menaqlakkannya (Saqr, 2004). Daripada takrif ini qiraat merupakan bentuk-bentuk kebahasaan dan fonetik yang terdapat dalam pembacaan al-Quran yang dibawa oleh para qurra' untuk diperaktikkan (Othman, et. al. 2014).

Mutawatir menurut bahasa bermaksud *mutabbi'*, iaitu yang berturut-turut ataupun sesuatu yang datang tanpa adanya jarak. Pada periyawatan atau penerimaan pembacaan al-Quran harus secara *bertalaqqī* dan *mushāfahah* bagi menghasilkan seterusnya memelihara qiraat yang mutawatir (al-Hādī, 1999).

Para ulama telah meletakkan beberapa syarat dalam penerimaan atau mengambil qiraat sehingga dikira sebagai qiraat yang sahih atau qiraat yang mutawatir. Syarat-syaratnya adalah:

- i. Sanad yang sahih dan periyawatan yang berturutan.
- ii. Bersesuaian dengan bahasa arab walaupun dengan satu wajah.
- iii. Bersesuaian dengan mana-mana mashaf Uthmani sekalipun *ihtimāl*. (Dr. Fadl Hassan Ḥasan 'Abbas, 2008)

Sekiranya gugur salah satu dari syarat-syarat tersebut, maka qiraat berkenaan sudah dikira *shādh* dan tidak harus dibaca di dalam solat atau sebagainya (Ibn al-Jazarī, 1998). Sehubungan dengan itu, terdapat tujuh qiraat mutawatir yang dikemukakan oleh imam, iaitu Imam Nāfi' al-Madanī, Imam Ibn Kathīr, Imam Abū 'Amr ibn al-'Alā' al-Baṣrī, Imam Ibn 'Āmir al-Shāmī, Imam 'Āsim al-Kūfī, Imam Hamzat al-Kūfī dan al-Kasā'ī al-Kūfī (Abū Sulaymān, 1994).

Al-Quran yang diturunkan dengan *sab'ah al-ahruf* ke atas Muhammad SAW dengan pengantaraan Jibril AS dan Rasulullah SAW mengajar para sahabat dan para sahabat mengajar generasi selepas mereka. Keadaan sedemikian berterusan sehingga qiraat tersebut sampai kepada sepuluh orang imam dan para perawi mereka dengan jalan yang mutawatir dan sanad yang sahih. Syarat menjadikan bacaan al-Quran sebagai mutawatir berlaku apabila bacaan tersebut dihafal keseluruhannya oleh seseorang dengan jumlah yang ramai penghafalnya bahkan jika sebahagian besar sesuatu yang diriwayatkan semua bahagiannya oleh sejumlah khalayak maka akan

diketahui secara mudah dan terhasillah sifat mutawatir (al-Maqdīsī, 2003). Seterusnya sepuluh imam tersebut serta perawi mereka menyebarkannya di seluruh pelusok dunia serta tersiar nama baik mereka serta dipercayai keadilan mereka oleh seluruh muslimin kerana mereka dikenali sebagai benar, amanah, baik bacaan dan teliti. Bacaan tersebut telah diterima oleh satu generasi selepas satu generasi (Muḥayṣīn, 2003). Dengan cara ini berkembangkan konsep sanad dengan cemerlang dalam ruang pengajaran ilmu qiraat al-Quran (Said & Adam, t.th.).

3. HADITH BERKAITAN QIRA'AT MUTAWATIR

Di dalam kitab *al-Qira'at al-Waridah fī al-Sunnah* susunan Syaykh Alḥmad ḡIsā al-Maṣarāwī didapati 96 buah riwayat hadis berkaitan dengan qiraat. Berdasarkan analisis terperinci, daripada 96 buah hadis ini didapati 84 hadis mengandungi qiraat mutawatir, dan bakinya 12 buah hadis merupakan qiraat *shādh*. Berikut ini penulis hanya mengemukakan hadith-hadith yang menyatakan bacaan qiraat mutawatir dalam surah al-Fatihah dan al-Baqarah sahaja.

Hadith 1

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ حُبْرٍ أَخْبَرَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ الْأُمُوِّيِّ عَنْ أَبْنِ جَرِيْجٍ عَنْ أَبْنِ أَبِي مُلْكَةَ عَنْ أَمْ سَلَمَةَ قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُقْطِعُ قِرَاءَتَهُ يَقُولُ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ثُمَّ يَقُولُ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ثُمَّ يَقُولُ وَكَانَ يَقْرُئُ هَا مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ

[al-Tirmidhī, *Kitāb al-Qirā'at, Bāb Fī Fātiḥat al-Kitāb*, No. Hadis 2927]

Maksudnya:

Telah menceritakan kepada kami ('Alī ibn Ḥuḍr), telah menghabarkan kepada kami (Yahyā ibn Sa'īd al-Amawī), dari (Ibn Jurāj), dari (Abū Mu'lākah), dari (Ummu Salāmah) berkata; Rasulullah SAW biasa memotong bacaan baginda. Baginda membaca; *al-Ḥamdu lillāhi Rabb al-'Ālamīn*, kemudian baginda berhenti, *al-Raḥmān al-Raḥīm*, kemudian baginda berhenti, lalu baginda membaca *Maliki Yawm al-Dīn*.

Pada kalimah (ملکی), Imam Nāfi' al-Madanī, Ibn Kathīr al-Makkī, Abū ḡAmr Ibn al-ḡAlā', Ibn ḡAmir al-Dimashqī, Hamzah Ibn al-Ziyād dan Abū Ja'far al-Madanī membaca tanpa *mād* (panjang) pada huruf *mīm* (maliki). Nilai bacaan ini adalah mutawatir. (Syihab al-Din, 1997)

Hadith 2

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرٍ مُحَمَّدُ بْنُ أَبَانَ حَدَّثَنَا أَبْيُوبُ بْنُ سُوِيدٍ الرَّمْلِيُّ عَنْ يُونُسَ بْنِ يَزِيدَ عَنْ الزُّهْرِيِّ عَنْ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبَا بَكْرٍ وَأَرَاهُ قَالَ وَعُثْمَانَ كَانُوا يَقْرَئُونَ مَالِكَ يَوْمَ الدِّينِ

[al-Tirmidhī, *Kitāb al-Qirā'at, Bāb Fī Fātiḥat al-Kitāb*, No. Hadis 2928]

Maksudnya:

Telah menceritakan kepada kami (Abū Bakr Muḥammad ibn Abān), telah menceritakan kepada kami (Ayyūb ibn Suwayd al-Ramlī), dari (Yūnus ibn Yazīd), dari (al-Zuhrī), dari (Anas) dari bapanya bahwasanya Rasulullah SAW, Abu Bakar, ḡUmar dan ḡUthman R.A telah membaca *malik* *yawm al-dīn*.

Pada kalimah (مالك), Imam ^cAşim, Kisa'i Ya^cqub dan Khalaf al-^cAshir membaca panjang pada huruf *mīm* (*mālikī*) sebagai *ism al-fā'il*. Walaupun sanad bagi hadis di atas adalah *da'if*, tetapi qira'at ini bertaraf mutawatir. (Al-Ma^csarawi, 2006)

Hadith 3

أَخْبَرَنَا بَكْرُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ حَمْدَانَ الصَّيْرَفِيُّ ، بِمَرْوَ ، ثَنَا عَبْدُ الصَّمَدِ بْنُ الْفَضْلِ الْبَلْخِيُّ ، ثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ سُلَيْمَانَ الْكَاتِبُ ، ثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ طَهْمَانَ ، عَنِ الْعَلَاءِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ ، عَنْ أَبِيهِ ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَرَأَ : (اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ بِالصَّادِ) .

[al-Ḥākim, *Kitāb al-Tafsīr*, *Qirā'at al-Nabī*..., no. hadis 2967]

Maksudnya:

Telah menghabarkan kepada kami (*Bakr ibn Muḥammad ibn Ḥamdan al-Šayrafi* di *Marwa*, telah menceritakan kepada kami (*'Abd al-Šamid ibn al-Fadl al-Balkhi*), telah menceritakan kepada kami (*Ibrāhīm ibn Sulaymān al-Kātib*), telah menceritakan kepada kami (*Ibrāhīm ibn Tahmān*), dari (*al-'Alā' ibn 'Abd al-Rahmān*), dari ayahnya, dari Abū Hurairah RA, bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW membaca **اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ** dengan huruf *ṣād*.

Berdasarkan analissi kajian didapati semua imam qiraat membaca perkataan **صراط** dengan huruf *sād* kecuali Qunbul dari Imam Ibn Kathir dan juga Ruways dari Imam Ya^cqub, mereka membacanya dengan huruf *sīn*. Manakala Khalaf dari Imam Hamzah membaca dengan *ishmām* pada huruf *ṣād* dan *zay*. Walau bagaimanapun, bacaan ini berada di kedudukan mutawatir. (Syihab al-Din, 1997)

Hadith 4

عن جابر رضي الله عنه أن النبي صل الله عليه وسلم قرأ: {... وَاتَّخِذُوا مِنْ مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصْلِّي ... الآية }

Maksudnya:

Dari Jabir R.A bahwasanya Nabi S.A.W telah membaca: **واتخذوا من مقام إبراهيم مصلى**
 (Hadith riwayat Muslim)

Imam Ibn ^cAmir dan Nafi^c membaca fathah pada huruf *kha'*. Qira'at ini mutawatir. (Syihab al-Din, 1997)

Hadith 5

وَحدَّثَنَا أَبُو بَكْرٌ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا أَبُو خَالِدٍ الْأَحْمَرُ عَنْ عُثْمَانَ بْنِ حَكِيمٍ عَنْ سَعِيدِ بْنِ يَسَارٍ عَنْ أَبْنِ عَبَّاسٍ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ فِي رَكْعَتِنِ الْفَجْرِ قُولُوا آمَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلَ إِلَيْنَا وَالَّتِي فِي الْأَلِّ عِمْرَانَ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ

[Muslim, *Kitāb Ṣalāt al-Musāfirīn wa Qaṣrihā, Bāb Istiḥbāb Rak’atay Sunnat al-Fajr...*, No. Hadis. 1197]

Maksudnya:

Telah menceritakan kepada kami (*Abū Bakr ibn Abī Shaybah*), telah menceritakan kepada kami (*Abū Khālid al-Ahmar*), dari (*‘Uthmān ibn Ḥakīm*), dari (*Sa‘īd ibn Yāsār*), dari (*Ibn ‘Abbās*) berkata; Bahawa Rasulullah SAW membaca pada rakaat pertama solat subuh ayat **قُولُوا آمَّا تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا بِاللَّهِ وَمَا أَنْزَلَ إِلَيْنَا وَبَيْنَكُمْ** dan pada rakaat kedua ayat dari surah *Ālī ‘Imrān* **فَلَمَّا بَلَغْتُهَا أَذْنَتْهَا، فَأَمَلْتُ عَلَيَّ حَفِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوَسْطَى وَصَلَاةِ الْعَصْرِ وَقَوْمُوا لِلَّهِ قَبْتَيْنِ**.

Berdasarkan kajian didapati tiada khilaf bacaan di kalangan Imam pada ayat-ayat di atas, yakni surah *al-Baqarah* (2) ayat 136 dan surah *Ālī ‘Imrān* (3) ayat 64. Selain itu bacaan ini dinilai sebagai mutawatir. (Syihab al-Din, 1997)

Hadith 6:

عن أبي يونس، مولى عائشة رضي الله عنها أنه قال: ((أمرتني عائشة أن أكتب لها مصحفاً، وقالت: إذا بلغت هذه الآية فاذنني: { حَفِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوَسْطَى وَقَوْمُوا لِلَّهِ قَبْتَيْنِ } فلما بلغتها آذنتها، فأملت على حفظوا على الصلوات والصلوة الوسطى وصلاة العصر وقوموا الله قابتين)) [البقرة:238]، ثم قالت عائشة: سمعتها من رسول الله صل الله عليه وسلم)).

Maksudnya:

Dari Abi Yunus (Hamba) kepada *‘Aisyah R.A* bahawasanya berkata: *‘Aisyah R.A* telah menyuruh aku untuk menulis mashaf kepadanya, serta berkata: apabila engkau sampai menulis ayat ini حفظوا على الصلوات والصلوة الوسطى maka beritahu kepadaku (Hadith riwayat Muslim)

وصلة العصر
Menurut Dr. Ahmad *‘Isa al-Ma’sarawi* bahawa bacaan yang ditambah dengan diturunkan sebagai penafsiran sahaja dan bukan ayat al-Quran dan hadith berkenaan merupakan *khabar ahad*. Adapun bacaan yang mutawatir adalah tiada penambahan.

Hadith 7:

عن زيد بن ثابت، عن أبيه زيد بن ثابت رضي الله عنه أن رسول الله صل الله عليه وسلم قد قرأ:)) { كَيْفَ نُنْشِرُهَا } [البقرة:259])) بالزاي.

Maksudnya:

Dari Zaid Bin Thabit, dari bapanya Zaid bin Thabit R.A bahawasanya Rasulullah S.A.W membaca { كَيْفَ نُنْشِرُهَا } (al-Baqarah:259) dengan huruf zay.

(Hadith riwayat al-Hakim)

Bacaan ini mutawatir, dibaca oleh imam Ibn ^cAmr, ^cAsim, Hamzah dan Kisa'i. Manakala imam Nafi^c, Ibn Kathir, Abu ^cAmr, Abu Ja^cfar al-Madani dan Ya^cqub al-Hadrami membaca **نشرها** dengan huruf ra' dan bacaan ini juga mutawatir.

Hadith 9

عن زيد بن ثابت قال: أقرأني رسول الله صل الله عليه وسلم: ((فَرِهَنْ مَقْبُوضَةٌ)) [البقرة: 283]. بغير ألف.

Maksudnya:

Dari Zaid bin Thabit telah berkata: Rasulullah S.A.W telah membacakan kepadaku **{فَرِهَنْ مَقْبُوضَةٌ}** *tanpa alif*.

(Hadith riwayat al-Hakim)

Imam Ibn Kathir dan Abu ^cAmr membaca dengan **فَرُهُنْ** iaitu *dammah* atau *raf^c* pada huruf ra' dan ha' dan ianya mutawatir. Manakala selain daripada imam ini membaca dengan **فَرَهَنْ** dan bacaan ini juga mutawatir.

4. KESIMPULAN

Hasil daripada penganalisisan kitab *Al-Qira'at Al-Waridah Fi Al-Sunnah* karangan Syaykh Ahmad ^cIsā al-Ma^csarawi, penulis dapat mengemukakan sembilan buah hadis yang menyatakan berkenaan bacaan ayat-ayat al-Quran dengan qiraat yang mutawatir di dalam surah al-Fatiyah dan al-Baqarah. Berdasarkan kepada kajian dibuat, kesemua hadith-hadith yang dikemukakan tiada yang berstatus *da'if* atau lemah sanadnya. Dapat disimpulkan di sini bahawa memang terdapat hadith-hadith yang menyatakan wajah-wajah bacaan al-Quran yang mutawatir. Ini dapat menguatkan lagi status qiraat-qiraat yang mutawatir.

5. RUJUKAN

- Abū Sulaymān, S. H. (1994). *Al-Taysīr fī al-Qirā'at al-Sab'at al-Mashhūrat wa Taujīhihā*. Riyadh: Dār 'Ālam al-Kutub.
- Al-Ḥādī, A. H. (1999). *al-Qirā'at al-Qur'āniyyah: Tārikhuhā, Thubūtuhā, Ḥujjiyatuhā wa Aḥkāmuhā*. Beirut: Dār al-Gharb al- Islāmī.
- al-Ḥākim, M. A. (1998). *Al-Mustadrak 'Alā l-Ṣahīhayn*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- al-Maqdīsī, A. S. (2003). *al-Murshid al-Wajīz ilā 'Ulūm tata'allaq bi al-Kitāb al-'Azīz*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tirmidhī, A. I. (t.th.). *Sunan al-Tirmidhī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Jazarī, A. K. (1995). *Munjid al-Muqri'in wa Murshid al-Tālibīn*. Kaherah: Maktabah al-Quds.
- Ibn al-Jazarī, A. K. (1998). *al-Nashr fī Qirā'at al-'Ashr*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muḥayṣīn, M. S. (t.th.) al-Ḥādī Beirut: Dār al-Jayl.

- Muslim, H. N. (t.th.). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Othman, M. A. et. al. (2014). Metodologi Qira’at Ibn Kathir dalam Juz ‘Amma. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 7, 79-93.
- Saad, M. F. M., Mohamad, S., & Kadir, M. N. A. (2016). Penisbahan Qurra’ dan Status Qira’at dalam Tafsir al-Nasafi. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 1 (1), 35-43.
- Said, K., & Adam, J. (t.th.). Corak Tariq Sanad Pengajian Al-Quran di Negeri Pahang. *QURANICA-International Journal of Quranic Research*, 1 (1), 165-182.
- Saqar, K. S. (2004). *al Wāhat al-Khaḍrā’ fi Tārikh al-Qirā’āt wa al-Qurrā’*. Ṭanṭā: Dār al-Ṣahābat li al-Turāth bi Ṭanṭā.
- Sulaiman, S. (2013). *Al-Qira’at al-mutawatirah dan kesannya terhadap pentafsiran Al-Qur’ān: kajian terhadap kitab Marah Labid li Kashf Ma’na Al-Qur’ān al-Majid karangan Nawawi al-Bantani tumpuan terhadap Surah al-Baqarah/Sukhairu bin Sulaiman*. Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zurzūr, A. M. (1991). *‘Ulūm al-Qur’ān Madkhāl Ilā Tafsīr al-Qur’ān wa Bayān I‘jāzih*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.